

01 DEC 1998

Mahathir-pesawat

"AEROTIGA" - PERISTIWA PENTING DALAM PERINDUSTRIAN MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menganggap pengeksporan pesawat dua kerusi Malaysia - "Aerotiga" - ke Amerika Syarikat sebagai satu lagi peristiwa penting dalam proses perindustrian negara.

Malaysia telah menyertai banyak industri yang menghasilkan kejayaan termasuk industri automotif, walaupun ramai yang meragui kemampuan negara dalam mengeluarkan kenderaan auto, katanya pada upacara penghantaran pesawat SME MD3-160, pesawat pelbagai guna pertama buatan Malaysia, yang ditempah Amerika Syarikat.

Upacara penghantaran itu diadakan di kawasan SME Aviation, Subang, dekat sini.

"Kini, kita mengeluarkan pesawat dan ia adalah sangat berbeza daripada pengeluaran kereta dan automobil kerana jika ia gagal, akibatnya adalah sangat serius. Kita perlu jitu, sangat tepat dan mengekalkan standard yang sangat tinggi," katanya.

Beliau juga menyarankan para pengeluar supaya mengekalkan kualiti tertinggi pesawat itu bagi memastikan keberkesanannya dapat diteruskan.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perlunya membangunkan budaya yang mengutamakan penyenggaraan pesawat.

Beliau berkata, jika pengilang-pengilang pesawat tempatan boleh menjaga pesawat mereka supaya boleh digunakan untuk tempoh yang lama, baru mereka boleh berkata yang mereka telah menguasai seni menjaga peralatan canggih seperti itu.

Sebagai contoh Dr Mahathir berkata semasa beliau berada di United Kingdom tahun lepas, beliau nampak pesawat-pesawat lama masih digunakan dan dalam keadaan baik dan ini kerana penyenggaraan yang baik.

"Ini menunjukkan sejauh mana mereka sayangkan pesawat terbang," katanya.

"Ini hasil sejenis budaya yang kita belum lagi perolehi. Jika kita mahu menjadi sebuah negara maju, kita perlu mendapatkan dan membangunkan budaya ini," katanya.

-- BERNAMA

ARA PR